

31 AUG 1999

Merdeka-Perbarisan

RIBUAN SAMBUT MERIAH HARI KEBANGSAAN KE-42

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Puluhan ribu rakyat berbilang kaum hari ini membanjiri Dataran Merdeka di sini untuk menyambut ulangtahun kemerdekaan negara ke-42 dalam penuh keceriaan, perpaduan dan semangat patriotisme.

Semangat kecintaan pada negara yang begitu kukuh terserlah bukan sahaja dalam kesegakan dan kesungguhan beribu-ribu anggota kontinjen perbarisan dan perarakan tetapi juga pada orang ramai, termasuk pelancong asing yang turut mengambil gambar acara gilang gemilang dan berwarni-warni itu.

Cuaca pagi yang cerah membawa orang ramai berkumpul di situ seawal pukul 5.30 pagi.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah turut hadir untuk menerima tabik hormat perbarisan dari pentas khas di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad, mercu tanda yang terkenal seluruh dunia kerana banyak dipaparkan menerusi poskad dan risalah promosi pelancongan, dan berkongsi kegembiraan bersama rakyat jelata.

Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menteri-menteri kabinet juga berdiri di atas pentas itu untuk menyaksi perbarisan berjalan lalu.

Sambutan yang tidak kurang meriah juga diadakan di seluruh negara bagi menandakan perayaan Hari Kebangsaan yang terakhir pada abad ini.

Sambutan itu membuktikan perpaduan dan kekuatan rakyat Malaysia menghadapi alaf baru selaras tema sambutan tahun ini "Bersatu ke alaf baru".

Sambutan itu dimulakan dengan upacara menaikkan bendera kebangsaan "Jalur Gemilang" serentak lagu kebangsaan "Negara Ku".

Sebelum upacara menaikkan bendera, empat helikopter Nuri yang membawa Jalur Gemilang dan bendera-bendara Angkatan Tentera dan tiga cabangnya melakukan lintas hormat apabila Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong tiba di kompleks Bangunan Sultan Abdul Samad yang bersejarah itu pada pukul 8 pagi.

Yang di-Pertuan Agong yang berpakaian lengkap Field Marshal memeriksa kawalan kehormatan oleh pegawai-pegawai dan lain-lain anggota dari Batalion Pertama, Rejimen Askar Melayu Di-Raja.

Tembakan meriam 14 das dilepaskan oleh Rejimen Artileri mengiringi deklamasi sajak bertajuk Bersatu Ke Alaf Baru.

Seramai 2,100 murid sekolah berpakaian sukan yang dibahagikan kepada empat warna bendera Malaysia mencuri perhatian orang ramai apabila mempersembahkan gimrama termasuk membentuk formasi logo Hari Kebangsaan.

Pasukan koir yang terdiri daripada pelatih Institut Bahasa Melayu menyemarakkan lagi acara dengan suara bertenaga mereka menyanyikan lagu-lagu tema sambutan Hari Kebangsaan kali ini dan tahun lepas.

Sementara itu orang ramai yang tidak dapat memasuki Dataran Merdeka, berbaris di sepanjang Jalan Raja Laut bagi menyaksikan perbarisan lebih 100 kontinjen itu.

Lebih daripada 9,000 peserta, sesetengahnya berpakaian berwarna-warni dan pakaian masa depan, mengambil bahagian dalam perbarisan itu dengan penuh gaya.

Kontinjen yang mengambil bahagian terdiri daripada sektor swasta, pelbagai persatuan, pasukan beruniform, pasukan pancaragam sekolah dan pasukan keselamatan.

Kebanyakan kontinjen menyanyi dengan suara lantang apabila melintasi

pentas khas yang menempatkan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong serta orang-orang kenamaan.

Kontinjen lain termasuk unit berkuda dan unit anjing yang milik pasukan polis dan tentera.

Kenderaan yang menyertai perbarisan termasuk kereta lumba Formula 1 bagi pasukan Malaysia, kereta nasional termasuk Proton, Perodua Kancil, Perodua Rusa dan motosikal nasional Modenas Jaguh dan Kriss.

Pasukan keselamatan juga memperagakan kenderaan tempur seperti kereta perisai dan kereta kebal.

Sebuah jet pejuang MiG-29 mengegarkan Dataran Merdeka dan menarik perhatian orang ramai di situ dan diikuti penerbangan formasi empat pesawat MiG-29 dan jet pejuang F/A 18 Hornet. Pesawat ringan buatan Malaysia MD-3 turut membuat lintas hormat sebanyak dua kali.

Wira-wira negara yang pertama kali menyertai perbarisan turut membantu menaikkan semangat dan suasana sambutan.

Mereka ialah pendaki-pendaki Gunung Everest, penerjun Kutub Utara, dua beradik Reed yang berjalan ke Kutub Utara dan pelayar Datuk Azhar Mansor yang belayar mengelilingi dunia dari Timur ke Barat.

Kebanyakan penonton dikejutkan apabila sekumpulan pesawat MiG-29 melintasi ruang udara di situ buat kali kedua apabila Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong bersedia untuk berangkat balik.

Sementara itu Di KUANTAN, acara perbarisan dan perarakan sempena sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri Pahang disertai oleh kira-kira 7,000 peserta yang mewakili 64 kontinjen.

Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah menerima tabik hormat daripada kontinjen yang mengambil bahagian dalam perbarisan yang berlangsung di Padang MPK 1 di sini.

Empat buah pesawat Tentera Udara di-Raja Malaysia (TUDM) jenis PC7 turut membuat penerbangan lintas hormat. Sambutan turut dimeriahkan dengan upacara menaikkan bendera, bacaan ikrar dan persembahan padang.

Sambutan bagi peringkat daerah di seluruh negeri pula bermula pukul 3 petang ini dengan semua Anggota Exco Kerajaan Negeri menyampaikan amanat Menteri Besar Datuk Adnan Yaakob pada acara sambutan di daerah masing-masing.

Di KANGAR, ribuan penduduk menyaksikan perarakan oleh 110 kontinjen membabitkan kira-kira 40,000 peserta mengelilingi bandar Kangar.

Pemangku Raja Perlis Syed Sirajuddin ibni Syed Putra Jamalullail dan Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim turut menyaksikan perarakan yang turut disertai pasukan berkuda dan gajah.

Perarakan itu turut menyaksikan kontinjen Majlis Perbandaran Kangar (MPK) mempamerkan sepanduk sepanjang 200 meter yang memaparkan pelbagai kata semangat termasuk kempen membayar cukai yang dihasilkan secara gotong royong oleh kakitangan MPK.

Di KUALA TERENGGANU, 131 kontinjen dianggotai 10,000 peserta mewakili pelbagai sektor menyertai perbarisan Hari Kebangsaan itu.

Upacara itu turut dimeriahkan dengan penyertaan Pasukan Lumba Basikal Jelajah Terengganu 1999 dan perarakan 14 buah kenderaan Tentera, 40 buah kenderaan polis termasuk motosikal Jaguh dan bot Marin, bomba dan penyelamat serta kenderaan radio bergerak, polis siber dan "detektif kita" yang terdiri daripada kadet polis.

Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Nur Zahirah turut berangkat ke majlis itu.

Wan Mokhtar ketika menyampaikan perutusan Hari Kebangsaan berkata rakyat perlu berusaha mengekalkan kemerdekaan negara dengan terus mengamalkan nilai-nilai yang baik dalam kehidupan serta tidak mengutamakan kepentingan peribadi dan perebutan kuasa.

"Keghairahan untuk bersaing merebut jawatan, mendapat kuasa, wang dan

pangkat kebesaran hendaklah diketepikan kerana semua itu adalah tarikan material yang tidak kekal selama-lamanya," katanya.

Beliau berkata rakyat perlu terus mempertahankan kekuatan akhlak dan moral dalam mengekalkan kemerdekaan kerana keruntuhan akhlak dan moral membawa kepada keruntuhan bangsa dan tamadun.

Di LANGKAWI, Kira-kira 3,000 peserta termasuk 100 peserta yang terdiri daripada anggota PAS Langkawi menyertai perbarisan Hari Kebangsaan peringkat daerah di Kompleks Sukan Langkawi di sini.

Sebuah pesawat mikrolight Kelab Penerbangan Langkawi turut membuat lintas hormat pada perbarisan itu.

Di PAPAR, cuaca cerah pada sebelah pagi membolehkan puluhan ribu penduduk dari sekitar barat Sabah membanjiri bandar ini sejak awal pagi bagi menyaksikan perarakan Hari Kebangsaan yang diadakan pertama kali di daerah ini.

Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai, Ketua Menteri Datuk Osu Sukam serta anggota kabinet dan orang kenamaan negeri turut menyaksikan perarakan itu yang membabitkan lebih 60 kontinjen yang terdiri daripada pertubuhan sukarela, pasukan keselamatan, jabatan kerajaan serta agensi swasta.

Mereka yang tinggal di sekitar ibu negeri pula kebanyakannya memilih untuk menaiki keretapi ke daerah ini seawal pukul 5.30 pagi bagi mengelak kesesakan lalulintas.

Walaupun Papar adalah tuan rumah sambutan peringkat negeri, perarakan turut diadakan di Tawau di pantai timur Sabah dengan kira-kira 5,000 orang mewakili hampir 70 jabatan kerajaan, swasta dan badan sukarela mengambil bahagian.

Di KOTA BAHARU, perayaan Hari Kebangsaan peringkat negeri yang berlangsung di Stadium Sultan Mohamad Ke IV di sini disambut meriah oleh kira-kira 10,000 orang serta 3,550 anggota daripada 95 kontinjen.

Majlis itu diserikan dengan persembahan pasukan koir pelajar, persembahan kreatif pelajar, deklamasi sajak dan seni mempertahankan diri oleh Pertubuhan Silat Gayung Bersatu Kelantan.

Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Panglima Lapan Briged Brig Jen. Hashim Yahaya, Ketua Polis Kelantan SAC 1 Datuk Mohd Yunus Othman dan anggota-anggota Exco kerajaan negeri turut hadir pada majlis itu.

Nik Aziz ketika berucap meminta rakyat menghayati kemerdekaan negara sebagaimana yang dituntut oleh Islam supaya kemerdekaan sebenar merangkumi jasmani dan rohani.

"Erti kemerdekaan sebenar bukan kerana pemerintahan kerajaan tidak lagi dicengkam oleh penjajah tetapi jasad dan rohani rakyat merdeka dari pengaruh penjajah dan nafsu," katanya.

Satu perhimpunan rakyat sempena hari kebangsaan anjuran Umno akan berlangsung di Padang Merdeka di sini petang ini yang dijangka dihadiri kira-kira 80,000 orang.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah akan menyampaikan amanat pada majlis yang akan bermula pukul 2 petang.

Di ALOR SETAR, sebanyak 136 kontinjen yang terdiri daripada agensi kerajaan, pasukan keselamatan, sektor swasta, pelajar sekolah dan pertubuhan sukarela mengambil bahagian pada perhimpunan di stadium Darul Aman.

Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan para exco kerajaan negeri serta lebih 10,000 orang menyaksikan upacara itu.

Upacara dimeriahkan dengan pertunjukan pancaragam sekolah, kebudayaan, ketenteraan dan pertunjukan udara oleh tiga pesawat ringan dari Kelab Penerbangan Kedah.

Di BINTULU, sejumlah 62 kontinjen membabitkan 2,500 peserta pelbagai sektor menyertai perbarisan Hari Kebangsaan peringkat negeri di sini.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud ketika berucap pada majlis itu

berkata Sarawak merancang mewujudkan Pusat Sumber di setiap bahagian di negeri ini ke arah menyalurkan pelbagai maklumat dan menyediakan perkhidmatan berkaitan dengan pembangunan sumber manusia.

Menurutnya kewujudan Pusat Sumber tersebut adalah untuk memenuhi cabaran alaf baru yang memerlukan rakyat dan tenaga kerja berkemahiran dan berpengetahuan luas.

"Alaf baru membawa cabaran baru dan kita perlu bersedia,"katanya.

Taib berkata setakat ini, Sarawak hanya mempunyai sebuah Pusat Sumber yang terletak di Kuching.

Di JOHOR, sambutan hari kebangsaan peringkat negeri yang berlangsung di di Muar bermula sejak 6 petang semalam dengan majlis tahlil, doa kesyukuran dan syarahan agama di Masjid Jamek Bandar Tangkak.

Pagi ini lebih 17,000 orang menyertai sambutan hari kebangsaan bersama-sama Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, Exco-exco kerajaan negeri dan ketua-ketua jabatan.

Dalam ucapannya, Abdul Ghani mengajak rakyat agar terus berjuang demi mempertahankan kedaulatan negara dan memelihara perpaduan serta mempertingkatkan semangat patriotisme di kalangan rakyat sebagai persediaan menghadapi cabaran pada alaf baru.

"Untuk berjaya di alaf baru, kita hendaklah terus membina kekuatan dari sumber perpaduan rakyat, kestabilan negara dan kekuatan pimpinan kerajaan," katanya.

Semua pihak perlu berganding bahu dan menyokong segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan hala tuju bangsa Malaysia ke arah wawasan 2020 tercapai, tambah beliau.

Di IPOH, sebanyak 70 kontinjen yang dianggotai seramai 3,640 peserta mengambil bahagian dalam perarakan Hari Kebangsaan peringkat negeri di sini hari ini.

Perarakan sejauh dua km itu yang diketuai oleh kumpulan akar tunjung iaitu perintis kemerdekaan yang terdiri daripada anggota Persatuan Bekas Perajurit, Bekas Polis dan kumpulan pejuang kemerdekaan bermula dari Jalan Sultan Yusuf dan berakhir di Padang Bandaran Ipoh.

Sultan Perak Sultan Azlan Shah dan Raja Permaisuri Perak Tuanku Bainun turut berangkat ke majlis itu.

Perarakan bagi menyambut Hari Kebangsaan turut berlangsung di peringkat daerah.

Pada sebelah petang ini majlis jamuan teh diadakan di kediaman Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib yang akan turut dihadiri Sultan Azlan Shah dan Tuanku Bainun serta orang-orang kenamaan dan 3,000 jemputan lain.

Di BUTTERWORTH, ribuan orang ramai membanjiri Padang Perbandaran di sini bagi menyaksikan upacara perbarisan dan perarakan sempena dengan sambutan hari kebangsaan peringkat negeri.

Yang turut hadir menyaksikan upacara itu ialah Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir dan isteri, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon serta semua Anggota Exco Kerajaan Negeri.

Majlis sambutan dan perbarisan yang disertai oleh 75 kontinjen dari jabatan-jabatan kerajaan, syarikat swasta dan institusi pendidikan itu dimeriahkan dengan persembahan koir dan deklamasi sajak.

Kontinjen Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri diisytiharkan pasukan kawad terbaik bagi sektor awam manakala kontinjen Pernas pula memenangi bagi sektor swasta.

Di MELAKA, lebih 4,000 orang membabitkan 73 kontinjen yang mewakili pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan, pasukan beruniform, sekolah dan berbagai pertubuhan mengambil bahagian dalam perarakan yang diadakan buat pertama kalinya di Dataran Sejarah, Ayer Keroh di sini.

Perarakan yang secara tradisi berlangsung di Padang Pahlawan, Bandar Hilir diadakan di dataran tersebut pada tahun ini walaupun ia masih belum

siap sepenuhnya.

Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahbuddin dan isteri, Toh Puan Marfuza Sheikh Mohd Osman, Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin dan isteri, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wira Abdul Aziz Omar serta anggota majlis mesyuarat kerajaan negeri dan ketua-ketua jabatan turut menyertai perhimpunan itu.

Malam tadi, kira-kira 5,000 membanjiri Padang Pahlawan bagi menyaksikan pelbagai persembahan kebudayaan dan hiburan menjelang detik 12 tengah malam. Upacara malam tadi berakhir dengan persembahan bunga api.

Di SEREMBAN, Yang di-Pertuan Besar dan Tunku Ampuan, Undang Yang Empat, Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Samad dan isteri Puan Sri Hazizah Tumin menyaksikan perbarisan hari kebangsaan peringkat negeri yang disertai oleh 72 kontinjen yang bermula dan berakhir di padang Majlis Perbandaran Seremban.

Mohd Isa semasa berucap berkata setiap rakyat negara ini, dalam apa keadaan sekalipun mesti berganding bahu dan bekerjasama agar terus menjadi bangsa yang bebas dan merdeka.

"Kemerdekaan boleh terlepas jika rakyat tidak mahu lagi menghargai nikmat kemerdekaan dan tidak lagi mahu menggunakan makna kebebasan dengan cara yang betul," katanya.

Oleh itu katanya, rakyat perlu bersama-sama mempertahankan kemerdekaan ini dengan bersatu padu dan saling mempercayai di antara satu sama lain kerana kita tidak hidup sekadar untuk hari ini, tetapi jauh lebih penting daripada itu ialah di manakah letaknya diri kita pada masa hadapan.

"Kita mesti menciptakan kelangsungan kemerdekaan ini untuk seluruh kehidupan yang gemilang buat bangsa, agama dan negara," katanya.

-- BERNAMA

AZ LAT